

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 [*Akta 62*] menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan badan dan syarikat Kerajaan. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi laporan berkaitan dengan sesuatu negeri, ia hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja/Yang Dipertua Negeri masing-masing untuk dibentang di Dewan Undangan Negeri. Bagi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Negeri Sarawak, selepas dibentangkan di Dewan Rakyat, ia akan dikemukakan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak yang akan menyebabkan laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak.
2. LKAN 3/2024 Negeri Sarawak ini mengandungi perkara seperti berikut:
 - i. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
 - ii. Penyata Kewangan Agensi Negeri dan Analisis Kewangan Agensi Negeri;
 - iii. Pengauditan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi;
 - iv. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri; dan
 - v. Status Tindakan Bagi Isu Yang Dilaporkan Dalam LKAN dan Pembentangan LKAN di Dewan Undangan Negeri serta Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri.
3. LKAN 3/2024 ini disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri dan beberapa kementerian/jabatan/agensi negeri sepanjang tahun 2023. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2023, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri. Pengauditan dijalankan bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
4. LKAN 3/2024 ini juga meliputi pengauditan prestasi yang mengandungi perkara yang telah dibangkitkan hasil daripada pengauditan terhadap dua aktiviti melibatkan dua Kementerian dan satu jabatan. Selain itu, LKAN ini turut mengandungi pengauditan pengurusan terhadap dua syarikat Kerajaan Negeri Sarawak.

5. Pengauditan Penyata Kewangan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957, piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). Manakala pengauditan terhadap aktiviti kementerian/jabatan/agensi Kerajaan merupakan pengauditan prestasi yang dijalankan selaras dengan Perenggan 6(d) Akta Audit 1957. Pengauditan terhadap syarikat Kerajaan pula dijalankan selaras dengan Perenggan 5(1)(d) Akta Audit 1957 dan Perintah Audit (Akaun Badan Lain) 2022 [P.U.(A) 375/2022] yang telah diwartakan pada 12 Disember 2022. Pelaksanaan pengauditan berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh International Organization of Supreme Audit Institutions (INTOSAI).
6. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pegawai kementerian/jabatan/agensi Negeri Sarawak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada pegawai Jabatan Audit Negara Negeri Sarawak yang telah memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(**DATUK WAN SURAYA WAN MOHD RADZI**)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

23 Ogos 2024